



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku



Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.


eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Bukuku adalah Teman Karibku

Fauziana Fauzi @ Mat Rawi

Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
UiTM Puncak Alam

Aku dan buku sememangnya tidak boleh dipisahkan. Sejak kecil aku mempunyai minat yang sangat mendalam terhadap buku. Jika ada jualan buku di sekolah, sudah pasti aku akan membelinya. Aku akan menabung setiap hari untuk membeli buku. Sejak kecil hingga kini masa lapangku akan diisi dengan membaca. Sewaktu cuti sekolah, aku akan berada di rumah untuk membaca buku. Buku yang aku gemari adalah kisah-kisah nabi, kisah-kisah sahabat nabi, kisah-kisah inspirasi dan banyak lagi. Ada di antara buku-buku ini dipinjam dari perpustakaan awam dan juga perpustakaan sekolah. Aku rasa sangat bahagia jika dapat memegang, membaca dan membeli buku. Buku-buku inilah yang membentuk keperibadianku kini. Banyak perkara dan ilmu yang aku dapat hasil daripada pembacaanku sejak kecil.

Di rumah ibu bapaku di kampung, terdapat banyak almari buku. Di dalamnya tersimpan pelbagai jenis buku. Buku cerita kanak-kanak, buku-buku kesihatan, buku-buku keagamaan serta banyak lagi yang kebanyakannya berbalut dan tersusun rapi. Terdapat juga buku-buku ilmiah yang telah digunakan sewaktu ayahku menyambung pengajian di peringkat ijazah dahulu. Buku-buku tersebut telah menjadi satu kenangan dan memori. Walaupun kelihatan uzur, ianya masih disayangi ayahku. Ianya bukan lagi koleksi biasa. Buku-buku yang terdapat di rumah ku dahulu adalah dibeli oleh ayah dan ibu serta adik-beradikku yang lain. Aku masih ingat. Ketika itu aku masih berumur 10 tahun. Abang-abangku berkongsi duit sesama mereka bagi membeli komik-komik yang popular di kalangan remaja ketika itu. Komik Penjejak Awan, Pedang Setiawan, Dash Yankuro dan banyak lagi menjadi pilihan mereka.

Ayah dan ibuku merupakan seorang guru. Maka sudah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk membaca dan mengunjungi kedai buku di bandar berhampiran. Terdapat juga individu-individu yang menjualnya di sekolah. Boleh dikatakan hampir setiap bulan pasti akan ada bahan bacaan baru untukku dan adik beradikku. Majalah-majalah sensasi seperti Mastika juga sentiasa ada di rumah. Malah, jika aku mendapat keputusan yang cemerlang di dalam kelas, ayah dan ibu akan membawaku ke kedai buku dan aku diberi kebebasan untuk memilih sendiri buku-buku yang aku minati. Buku yang dibeli sewaktu mendapat tempat pertama Ketika Darjah 1 berjudul "Hari Sukan Binatang-Binatang". Sehingga kini buku tersebut masih berada di dalam simpananku.

Suatu ketika dahulu, rumahku sering dikunjungi oleh jiran tetangga. Mereka datang untuk membaca dan meminjam koleksi yang ada. Namun ada di antara mereka yang tidak menjaganya dengan baik. Buku-buku itu ada kalanya dipulangkan dalam keadaan koyak dan ada juga di antara mereka yang langsung tidak memulangkannya. Hal ini sangat mendukacitakanku kerana buku-buku tersebut tidak diperoleh dengan mudah. Aku perlu menabung dan mendapat prestasi tinggi di dalam akademik bagi mendapatkannya. Kini ada diantara buku-buku yang telah menemaniku sejak kecil terpaksa dibuang kerana telah dimakan oleh anai-anai. Buku-buku yang telah lama tersimpan tanpa dibaca menarik minat serangga perosak ini. Kerana rasa sayangkanku yang tinggi kepada buku-buku tersebut aku mengambil inisiatif membawanya pulang ke rumahku sendiri. Adik-beradikku yang lain juga turut melakukan

hal yang sama. Ada diantara buku-buku tersebut juga telah diberikan oleh ibuku kepada saudara-mara terdekat tanpa pengetahuanku. Aku merasa sangat sedih kerana individu lain tidak akan menyayangi buku-buku tersebut sebagaimana aku menyayanginya. Buku-buku tersebut sangat bernilai bukan kerana harganya tetapi memori dan kenangan yang membawaku ke masa lalu. Ia dibeli sedikit demi sedikit.

Sehingga kini aku masih lagi tidak ketinggalan untuk membeli buku-buku baru setiap bulan. Aku akan membeli buku dan bahan bacaan di mana-mana sahaja. Tidak kira di lapangan terbang, di atas talian, di kedai buku di dalam negara ataupun di luar negara. Sewaktu berkunjung ke England beberapa tahun yang lalu, aku membeli banyak buku. Ada juga yang dibeli di Jualan Garaj di kawasan University of Oxford. Ensiklopedia tebal pada waktu itu hanyalah berharga 1 pound sterling. Walaupun ianya adalah versi lama, namun isinya masih relevan untuk anak-anakku. Bersusah-payah juga aku mengangkat bagasi yang berat sewaktu ingin pulang. Namun aku puas kerana dapat membeli buku. Puas kerana dapat menambah koleksi buku. Kini, seiring dengan perubahan masa, aku juga sering membaca buku secara atas talian. Namun kepuasannya tidak sama. Aku lebih puas sekiranya dapat memegang buku tersebut.

Setelah menjadi seorang ibu, aku juga turut meniru pendekatan yang digunakan oleh ayah dan ibuku bagi menarik minat membaca di kalangan anak-anak. Ketika anakku yang sulung masih berusia tiga (3) bulan, aku telah membelikan bayiku itu buku mengenal haiwan. Walaupun masih kecil, aku percaya bahawa kanak-kanak dapat mempelajarinya dengan cepat dan aku juga dapat mengeratkan lagi hubunganku dengan anakku melalui aktiviti ini. Ayah ku juga melakukan hal yang sama kepadaku. Ketika aku masih di sekolah rendah, ayahku membeli banyak kamus bergambar dan buku-buku bergambar. Di negeri Terengganu ketika itu, terdapat beberapa kedai buku yang mahsyur seperti Kedai Buku Banggol dan Syarikat Muda Osman. Antara buku-buku tersebut, buku yang mengandungi gambar bunga beserta nama adalah yang paling diingati. Rentetan daripada itu jugalah aku mula mengenali nama bunga dan sangat suka menanam bunga. Seawal umur 10 tahun aku telah mula menanam pelbagai jenis bunga di halaman rumah yang kebanyakannya diperoleh secara keratan batang dan anak pokok daripada jiran tetangga. Hobi ini juga mendapat sokongan kuat daripada ayahku kerana beliau juga suka menanam pokok. Aku masih lagi meminati hobi tersebut sehingga kini. Pokok bunga cempaka, bunga melor dan kenanga menjadi pokok kesukaan ku kini kerana bunga-bunga ini mengeluarkan bau yang sangat harum dan ia mengembalikan memori ku bersama ayahku yang telah pulang ke Rahmatullah.

Setiap bulan juga aku akan membawa anak-anak ke kedai kedai buku seperti Popular atau dengan hanya memesan buku-buku tersebut secara atas talian dari pembekal buku seperti Galeri Ilmu. Oleh kerana anak-anak masih kecil, maka aku akan sentiasa memastikan buku yang dibeli adalah bersesuaian dengan umur mereka. Jika tidak dikawal, mereka akan lebih cenderung untuk membeli komik seperti Lawak Kampus yang padaku tidak begitu membantu mereka dalam menambahkan kosa kata serta membuat ayat. Ayat -ayat yang digunakan di dalam komik juga tidak formal. Namun, kadang-kala aku juga memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih kerana suatu ketika dahulu aku juga meminati majalah Gila-Gila dan Ujang. Kedua-duanya adalah bacaan santai dan lawak. Tidak kering gusi setiap kali membaca majalah-majalah tersebut. Pada aku, bahan bacaan tidak seharusnya bacaan yang berbentuk fakta dan ilmiah sahaja. Tidak salah jika kita mempelbagaikan genre buku. Hal ini kerana melalui pembacaan inilah, kita dapat memupuk pelbagai emosi; gembira, sedih, simpati, empati, motivasi dan banyak lagi. Emosi-emosi inilah yang akan mewarnai dan membentuk keperibadian kita.

Selain membantu anak-anak dalam penulisan, hobi membaca juga boleh mengalihkan perhatian mereka kepada televisyen dan gadget. Alhamdulillah usaha tersebut berjaya. Mereka tidak begitu ketagih dengan permainan di dalam telefon pintar. Malah ianya sangat membantu

anak - anakku dalam rekod Nilam. Bagi mengabadikan rasa kecintaan terhadap buku, aku telah membina sebuah almari televisyen beserta rak buku di kiri dan kanannya. Almari tersebut adalah hasil ideaku sendiri. Aku ingin memaparkan semua buku yang ada bagi menarik minat suami dan anak-anakku membaca. Di dalamnya juga terdapat al-quran. Kaedah ini memudahkan kami untuk membaca al-quran pada setiap waktu. Setiap kali terpandang al-quran tersebut, akan timbul rasa bersalah dihati jika tidak membacanya. Aktiviti membaca al-quran ini telah menjadi rutin harian kami sekeluarga khususnya di antara waktu Magrib dan Isyak.

Aku juga sentiasa menasihati anak-anakku dengan menceritakan kisah-kisah motivasi serta kisah-kisah nabi yang aku peroleh daripada pembacaan ku kepada mereka. Aku berbual dengan mereka berkenaan perkara-perkara menarik yang aku temui di dalam buku yang dibaca lebih-lebih lagi sewaktu di dalam kereta. Aku sering menceritakan fakta-fakta menarik tentang haiwan yang aku peroleh dari pembacaan buku Terokai Sains oleh Dr. Anis. Anak-anakku sangat menyukainya dan tingkah-laku mereka di dalam kereta juga dapat dikawal terutamanya ketika dalam perjalanan yang jauh. Aku juga turut menasihati mereka untuk belajar mengawal emosi seperti bersabar ketika menempuhi sebarang kesulitan dengan menceritakan Kisah Nabi Ayub dan Nabi Yusuf. Dan ada kalanya memberikan mereka nasihat serta motivasi untuk belajar dengan menyampaikan kisah Imam Syafie.

Aku juga mempunyai kenangan bersama buku yang tidak dapat dilupakan. Pada malam majlis perkahwinanku, kami membuka hadiah beramai-ramai. Namun aku sangat terkejut apabila mendapati 80 peratus daripada hadiah-hadiah tersebut adalah buku. Rupa -rupanya kawan-kawanku serta para tetamu sudah sedia maklum tentang hobiku yang satu ini. Tambahan pula aku adalah seorang pensyarah yang sudah pastinya sentiasa berdampingan dengan buku. Di universiti juga aku pernah digelar sebagai “Kamus Bergerak” oleh rakan sebilikku. Mereka seringkali memintaku untuk menterjemahkan lagu – lagu dalam Bahasa inggeris kepada Bahasa Melayu.

Hobi dan minatku ini juga sangat - sangat membantu dalam kerjaya aku sekarang. Sebagai seorang pensyarah, aku perlu mentelaah topik yang akan diajar di dalam kelas terlebih dahulu. Aku perlu memahami setiap topik dengan baik kerana aku perlu menyampaikan kembali topik tersebut kepada pelajar serta memastikan pelajar faham tentang apa yang aku sampaikan. Tugas ini tidak mudah. Aku seringkali membaca setiap helaian muka surat secara berulang-ulang dan tidak sedikit buku yang digunakan sebagai rujukan. Namun aku gembira kerana hobiku adalah sememangnya membaca. Lagi banyak buku yang dibaca, lagi banyak perkara yang aku akan tahu dan apa yang lebih menggembirakan aku adalah apabila dapat berkongsi ilmu tersebut dengan pelajar.

Seseorang pensyarah juga wajib menghasilkan penyelidikan setiap tahun. Hasil penyelidikan tersebut perlu dibentangkan di persidangan-persidangan dalam dan luar negara seterusnya diterbitkan dalam bentuk jurnal. Aku juga tidak terkecuali daripada tugas ini. Ianya adalah salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Proses penyelidikan tidaklah mudah. Setiap pensyarah perlu membaca banyak kajian lepas dan perlu mengolah dapatan kajian-kajian tersebut dengan cara yang tersendiri. Setiap perenggan dan juga topik hendaklah saling berkait antara satu sama lain. Pensyarah juga perlu menghasilkan artikel-artikel untuk dihantar ke majalah, buku serta akhbar. Ada kalanya juga perlu menghasilkan buku teks, buku panduan serta menilai repot-repot pelajar. Aku sangat bersyukur kerana hobiku ini sangat membantuku dalam melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan baik.

Apabila mengajar, aku seringkali menyelitkan cerita-cerita serta isu semasa yang berkaitan dengan topik yang diajar. Cerita-cerita dan isi semasa ini aku peroleh dari pelbagai buku. Padaku pelajar perlu mengetahui apa yang sedang berlaku di luar kampus sebagai satu persediaan untuk mereka bagi menempuhi alam realiti kelak. Aku juga sebagai pengajar merasa

tidak lengkap jika tidak melengkapkan diri dengan isu-isu semasa yang baru dan terkini. Isu-isu semasa ini juga sangat membantu dalam memberikan lebih pemahaman kepada pelajar berkenaan dengan beberapa topik sukar. Maklum balas yang aku perolehi daripada pelajar sangat positif. Mereka menghargai dan seronok dengan kisah-kisah serta contoh-contoh terkini yang aku kongsi di dalam kelas.

Baru-baru ini aku mendapat satu pengajaran yang sangat berguna. Di dalam satu perkongsian bersama rakan-rakan, aku ada menceritakan satu kisah yang sangat rapat dengan topik yang sedang dibincangkan. Tujuannya adalah untuk menambahkan kepelbagaian kepada perbincangan tersebut. Antara yang aku kongsi adalah berkenaan dengan Sejarah Kerajaan Turki Othmaniah dan kaitannya dengan Kisah seorang individu yang mendapat jolokan Drakula. Kebetulan pula pada waktu itu aku baru sahaja selesai membaca kisah asal-usul Dracula setelah menonton cerita bersiri mengenainya di Netflix. Namun perkongsian tersebut tidak mendapat reaksi positif dan tersasar jauh daripada andaianku. Melihat kepada reaksi negatif daripada kawan-kawan membuatku sedikit kecewa dan malu. Tetapi aku belajar sesuatu yang bermakna pada malam tersebut iaitu tidak semua orang gemar untuk mendengar fakta dan perkara-perkara yang bersifat ilmiah. Ada di antara mereka yang lebih gemar bersembang kosong dan bergelak ketawa dengan gossip dan isu-isu ringan. Jadi, sebelum berkongsi pendapat, aku tidak boleh terlalu teruja berkongsi perkara yang aku tahu sebaliknya perlu memastikan siapakah pendengar yang berada di dalam majlis ilmu itu terlebih dahulu.

Aku juga pernah merasa tertipu apabila terbeli sebuah buku yang diterbitkan oleh salah seorang ahli kumpulan nasyid terkenal. Buku itu adalah berkenaan tempat-tempat menarik dan bersejarah yang perlu dilawati di seluruh dunia. Harga buku tersebut tidaklah terlalu mahal. Namun aku merasa agak kecewa kerana penulisan buku tersebut kelihatan seperti disalin dan ditampal dari sumber internet tanpa disemak terlebih dahulu. Bahasa Melayu juga telah dicampur-adukkan dengan Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Indonesia. Terdapat banyak pengulangan ayat dan cerita. Di belakang buku tersebut telah dipaparkan biodata penulis yang menyenaraikan puluhan buku tulisannya. Pada pandanganku, sebagai penulis kita perlu mempunyai etika yang sangat tinggi. Kita perlu mengejar kuantiti bukan kualiti. Kini walaupun tajuk buku-buku yang dihasilkan daripada penerbit yang sama adalah menarik, namun aku tidak membelinya lagi.

Sejak dahulu lagi telah menjadi kebiasaanku untuk selalu membeli buku-buku panduan sebelum melalui atau melaksanakan sesuatu perkara baru dan yang belum pernah aku laksanakan sebelumnya. Sebelum kahwin, selain daripada menghadiri kursus perkahwinan, aku telah membaca banyak buku berkenaan perkahwinan daripada penulis-penulis yang bagus. Begitu juga sewaktu mengandung dan menunggu masa untuk bersalin. Aku membaca buku berkenaan perkara-perkara baru yang akan aku alami sepanjang tempoh mengandung, bacaan al-Quran khusus untuk anak-anak di dalam kandungan serta persiapan yang perlu dilakukan semasa dan selepas proses bersalin. Pembacaan ini sangat membantuku yang pada ketika itu baru menjadi ibu buat pertama kalinya. Aku juga membeli buku berkaitan dengan negara yang akan aku lawati bagi mengetahui tips dan cara untuk masuk ke negara tersebut, perkara yang boleh dilakukan atau tidak boleh serta cuaca dan pakaian yang sesuai untuk dipakai sewaktu tiba di sana. Antara buku yang pernah dibeli ialah buku berkenaan negara England, German, Turki dan Jepun.

Aku sedar bahawa pembawakan diri serta persiapan untuk ke negara orang adalah sangat penting bagi mengelakkan sebarang kesusahan ketika berada di sana nanti. Begitu juga dengan pelaksanaan umrah. Aku berpeluang untuk menunaikan umrah pada tahun 2009. Walaupun telah mengikuti beberapa kursus yang telah dianjurkan oleh pihak agensi, namun aku masih memilih untuk mendalami lagi ibadat umrah tersebut melalui catatan pengalaman individu-individu yang pernah ke sana. Perjalanan dalam keadaan ilmu penuh di dada adalah sangat berbeza dengan perjalanan tanpa ilmu. Hal ini dirasai ketika aku ke Palestin. Sebelum

ke sana, aku banyak membaca berkenaan sejarah negara Palestin dibantu dengan video yang diperolehi dari "You Tube". Aku merasa kurang janggal dan lebih bersedia dari segi makanan, pakaian dan tempat-tempat menarik untuk dilawati.


Semasa masih di sekolah rendah, aku meminati buku-buku cerita dongeng seperti *Cinderella*, *Snow White*, *Jack and The Bean Stalk* dan banyak lagi. Hampir kesemua cerita - cerita dongeng dari barat telah ku kumpul. Ketika usiaku meningkat remaja aku banyak membaca buku-buku berbentuk motivasi, kisah-kisah teladan serta kisah-kisah nabi. Cerpencerpen berbahasa Inggeris pula dibeli oleh abangku yang pada Ketika itu sedang melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di Kuala Lumpur. Kini aku lebih menggemari buku-buku berbentuk sejarah serta pengetahuan am. Buku yang seringkali aku baca sebelum tidur ialah buku bertajuk *Dari Andalusia ke Amerika*. Buku ini mempunyai 303 muka surat dan ditulis oleh Aidil Adha Sulaiman. Buku ini telah dibeli beberapa tahun lalu di sebuah kedai buku di Puncak Alam. Buku ini telah memberi impak dan kesan mendalam kepadaku.

Ianya adalah satu pembacaan yang amat menakjubkan. Buku ini menceritakan tentang kegemilangan Islam di Andalusia yang terletak di Benua Eropah. Suatu Ketika dahulu rektor di kampus tempat aku mengajar seringkali bercerita mengenai kehebatan dan keagungan Andalusia. Di sana Islam telah bertapak selama 800 tahun. Jalan-jalan di sekitar kampus juga ditukarkan nama-nama yang mengingatkan kita kepada zaman kegemilangan Islam di sana. Beberapa tahun lepas ketika berkunjung ke salah sebuah kedai buku, aku terpancang buku ini dan mula membacanya. Semakin dibaca, semakin aku kagum. Sebelum ini aku tidak pernah peduli tentang kewujudan Islam di Barat. Andalusia suatu ketika dulu adalah terdiri daripada Sepanyol dan Portugis. Siri penaklukan bermula apabila dengan kehadiran panglima Islam Thariq bin Ziyad. Islam bertapak di sana sejak tahun 711 Masihi dan berakhir pada tahun 1492 Masihi.

Selama bertapaknya pemerintahan Islam di sana, terlalu banyak kegemilangan yang telah dicapai oleh umat Islam dari pelbagai sudut termasuk sosial. Tiga agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi hidup bersama dan hormat menghormati antara satu sama lain. Ramai juga tokoh-tokoh hebat yang lahir di sana. Antaranya ialah Al Zaqali yang telah menghasilkan jadual astronomi, Abbas Ibnu Firnas yang telah menghasilkan mekanik dan mesin penerbangan, Al Muradi yang telah menghasilkan mesin dan jam air mekanikal, Az Zahrawi yang telah menghasilkan 200 peralatan pembedahan dan teknik jahitan pembedahan. Banyak lagi tokoh-tokoh hebat yang terlibat dengan pelbagai ciptaan yang mendahului zamannya. Pada Ketika itu Eropah sedang mengalami zaman gelap setelah kejatuhan Empayar Rom. Zaman gelap yang meliputi Eropah ini berlangsung selama 1000 tahun lamanya. Sedangkan Islam sedang mengalami zaman yang sangat gilang - gemilang. Kegemilangan ini jarang diceritakan dan didedahkan di dalam mana-mana teks bacaan. Buku ini mengandungi banyak gambar serta penceritaan yang mudah dan menarik. Maka tidak hairanlah jika aku mengulanginya beberapa kali.


Pada pandangan aku, minat membaca ini perlu dipupuk dan melibatkan semua generasi tidak kira muda atau tua. Sebagai ibu bapa, kita berperanan besar dalam memupuk minat membaca di kalangan anak-anak. Kewujudan pelbagai media sosial sedikit sebanyak memesonakan minat anak-anak membaca. Hal ini terbukti kerana minat membaca yang subur di dalam diriku sejak dulu sehingga kini adalah terbit dari ibu bapaku yang menjadikan membaca sebagai budaya di dalam keluargaku. Seawal subuh ayah serta ibu mengaji al-Quran dan ia kemudiannya akan disertai oleh aku dan adik beradikku yang lain. Setiap hari ayahku juga akan membeli beberapa jenis akhbar Bahasa Melayu. Sekembalinya dari sekolah kami adik-beradik kadang-kala akan berebut untuk membaca akhbar-akhbar tersebut. Hari Ahad adalah hari yang paling dinanti kerana terdapat tambahan isi kandungan iaitu Hiburan. Kita sebagai ibu bapa seharusnya menunjukkan contoh teladan yang baik untuk dicontohi oleh anak-anak. Anak-anak

akan lebih mudah terikut dengan perbuatan berbanding perkataan. Pepatah Inggeris ada menyebut “Action Speaks Louder Than Words”.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

